

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N32 SERI DELIMA

Topik: Penang2030, Perpaduan Masyarakat, Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa negeri kita berada di landasan yang tepat dan kini rancak membangun seiring dengan Visi Penang2030 yang telah ditetapkan sebagai salah satu pelan jangka masa panjang kendatipun kita berhadapan dengan pelbagai isu dan pancaroba seperti isu pandemik yang menghantui bukan sahaja di Malaysia malahan keseluruhan negara-negara antarabangsa di segenap global. Namun, Pulau Pinang tetap utuh bergerak dan berkembang seusai peralihan pandemik ke endemik dan mencatatkan pelbagai rekod rekod baharu di dalam kepelbagaian bidang misalnya sektor ekonomi dan pelancongan.

Memang tidak boleh dinafikan perangkaan Penang 2030 itu mendokong aspirasi dan cita-cita besar bagi melonjakkan Pulau Pinang ke satu dimensi baharu serta mencapai status negeri pintar yang harmoni dan bertaraf antarabangsa seperti yang dicatatkan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030. Dan seperti yang sedia maklum Penang 2030 dipecahkan kepada 4 tema seperti:

- Tema A: Peningkatan daya huni untuk menambah baik kualiti kehidupan;**
- Tema B: Menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah;**
- Tema C: Pemerksaan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat;**
- Tema D: Pelaburan dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan.**

Kesemua tema ini dilihat meletakkan masyarakat sebagai subjek dan kepentingan utama. Selayaknya Ketua Menteri dan ahli MMK mendapat pujian atas usaha dilakukan. Namun disebalik tumpuan terhadap peningkatan kualiti kehidupan menerusi ekonomi, pemerksaan rakyat dan sebagainya, tumpuan utama harus diberikan kepada perpaduan. Kesemua nilai dan visi ini saling bersangkutan dan

bergantungan antara satu sama lain namun ia tidak dapat dicapai jika perpaduan masyarakat itu rapuh seperti sehelai rambut di dalam tepung, jika tersilap tarik terus putus dan berselerak terus tepung. Mengapa Seri Delima memilih untuk menekankan perpaduan? Pertama harus disoroti kajian kes berkait rapat dengan isu perkauman yang meruncing dua tiga menjak ini yang menggugat kestabilan dan keharmonian Malaysia. Seterusnya ialah kerana perpaduan ini merupakan teras utama kepada jatuh bangun sesebuah negara. Tanpa perpaduan, segala kemakmuran dan kesejahteraan tak dapat dicapai. Perpaduan itu merupakan tonggak utama kepada kejayaan, kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Pada hemat saya tak guna sesebuah komuniti atau masyarakat itu mencapai kejayaan hebat akan tetapi masyarakat berpecah belah dan saling bermusuhan. Seharusnya perpaduan ini harus dijulung dan diangkat dan dipupuk dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang. Runtuhnya sesebuah tamadun akibat perpecahan masyarakat. Negeri kita ini yang dikenali sebagai satu hub dan destinasi pekerjaan, pelancongan dan kepelbagaian budaya ini menjadi satu ruang dan lambang penyatuan dan perpaduan kaum di utara tanah air. Ini harusnya dilindungi dan dikekalkan.

Maka ingin saya kaitkan kepentingan perpaduan dan mengapa ia harus diberikan penekanan utama bagi menjayakan Visi Penang2030. Contohnya tema A yang membincangkan berkaitan peningkatan kualiti kehidupan masyarakat dan tema C yang menjulang penyertaan masyarakat. Kesemua ini saling bersangkutan dengan perpaduan. Untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat ini memerlukan kerjasama semua pihak menerusi pemerksaan masyarakat yang menggalakkan penyertaan rakyat. Untuk memastikan perkara ini berlaku dengan jayanya, perpaduan itu memainkan peranan utama. Masyarakat harus bersatu padu, bertoleransi tanpa melihat warna kulit, bekerjasama bagi memperkasakan masyarakat dan seterusnya ini akan menjurus kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat. Apabila perpaduan tercapai, keamanan dan kesejahteraan akan datang bergolek masuk dan memudahkan segala proses selanjutnya seperti pembangunan, pelaburan dan peningkatan ekonomi itu terlaksana dan mencapai semua sasaran dengan mudah. Perpaduan yang stabil juga bukan hanya diletakkan beban pada masyarakat malahan golongan pentadbir khususnya kita semua yang berada di dalam dewan persidangan hari ini. Kita sebagai ahli politik dan ahli yang berkhidmat menjadi tonggak utama memastikan perpaduan ini berlaku. Kestabilan politik, keamanan dan perpaduan akan menarik masuk banyak pelaburan, pelancong dan sebagainya.

Ingin ditekankan bahawa segala bentuk politik lama seperti politik perkauman dan segalanya harus ditolak ke tepi, ditepis, dicincang dan dilumatkan. Kita tak ingin perpaduan yang dibina hancur sekelip mata atas isu-isu yang digembar gembur dengan tujuan untuk “*political mileage*”. Segala isu yang timbul, harus disiasat dan dicantas dari akar umbi. Jika benar isu berkaitan keagamaan dan kaum timbul, harus cuba dibawa semua pihak terlibat untuk berbincang dengan tegas dan mencapai kata sepakat antara semua pihak, dan bukannya dicurahkan lagi minyak ke api yang panas dan mencetuskan masam muka dan ketegangan kaum yang seterusnya menjurus kepada tindakan vandalisme yang membahayakan orang awam. Apa ini yang kita mahukan? Ketegangan kaum, perpecahan atau tragedi Mei berulang atau Peristiwa Kg Rawa 98? Maka sia-sia sahaja perpaduan yang terbentuk dan terbina. Banyak kajian kes baharu yang boleh disingkap yang melihatkan betapa makin rapuhnya perpaduan kita dan kita tak ingin nilai-nilai politik perkauman ini menyelina masuk ke dalam masyarakat Pulau Pinang. Cukuplah kenyataan berbau rasis yang seringkali dilontarkan. “*It is time for us to unite beyond our skin colours, races and religion and going against the racism, discrimination and prejudism if its not for us, it is for our future generation*”

CADANGAN

Maka di sinilah ingin dicadangkan kepada Ketua Menteri agar lebih banyak program-program mempromosikan budaya masyarakat Pulau Pinang seperti budaya Melayu, Cina, India, Jawi Peranakan, Peranakan, dan lain-lain dilaksanakan yang mewajibkan penyertaan pihak-pihak pelajar dari pra-sekolah sehingga ke IPT untuk memupuk semangat perpaduan dan bertoleransi dan menggalakkan interaksi. Ini bertindak sebagai satu inisiatif mengangkat pendidikan sivik dan kewarganegaraan yang seringkali terlepas pandang atau sekadar dilihat sebagai subjek sekolah senang skor A tetapi faedah nilai subjek ini tidak dihadam oleh masyarakat. Memang tidak dinafikan adanya program-program ini dilaksanakan seperti Hari Sukan Negara Peringkat Negeri, Sambutan Kemerdekaan peringkat negeri oleh kerajaan negeri namun masih tidak mencukupi. “*Why don't we just kill two birds with a stone instead?*” Gunakan platform ini untuk menerapkan semangat kejituan dan perpaduan? Harapkan lagi program ini, galakkan penyertaan, dan hasilnya? Bukan sahaja perpaduan dapat dipupuk sejak dari zaman kanak-kanak, pembentukan rangkaian persahabatan baharu antara masyarakat, dan nama serta kebudayaan Pulau Pinang

Sidang Muda 2024 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

dijulang di persada antarabangsa lantas menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara untuk datang masuk sekaligus meningkatkan ekonomi negeri. Banyak program tahunan seperti Georgetown Festival dan Georgetown Literary Festival yang boleh menjadi ruang untuk mengetengahkan lagi kebudayaan tempatan, perpaduan dan menggalakkan lebih ramai bukan sahaja masyarakat dewasa tetapi juga masyarakat pelajar berbilang bangsa untuk menyertai. Mengapa saya menekankan pelajar sebagai subjek utama? Ini kerana pelajar itu mudah dibentuk dan digarap pemikirannya. Bukan kita ingin “*brainwashed*” mereka tetapi kita ingin melahirkan masyarakat minda kelas global yang melihat di luar skop perbezaan kaum, perbezaan gender dan perbezaan status taraf kehidupan. Hasilnya? Segala garis visi dan misi yang ditetapkan di dalam Penang 2030 dapat dicapai dengan jayanya.

Selain itu, cadangan seterusnya ialah pembukaan institusi bahasa percuma atau membuat lebih banyak program bahasa untuk pelajar-pelajar bagi menguasai bahasa-bahasa seperti BM, Bahasa Mandarin, dan Bahasa Tamil. Ya sememangnya kesemua ini ada diajar di sekolah dan IPT. Tidak dinafikan hakikat itu Namun kadar penguasaan masyarakat masih lemah bagi ketiga bahasa utama itu selain BI di mana majoriti masyarakat hanya menguasai bahasa ibunda mereka dan kelas bahasa di sekolah melainkan BM itu disertai oleh bangsa asal. Jadi menerusi program ini atau pembukaan institusi ini akan menggalakkan pelajar berlainan kaum untuk mengambil kelas penguasaan bukan bahasa ibunda sekaligus menjurus kepada Pulau Pinang mempunyai generasi baharu yang “*multilingual*” dan menjadikan mereka sebagai masyarakat minda kelas global yang berdaya saing dan fleksibel bukan sahaja dalam kehidupan sosial malahan dalam dunia pekerjaan. Tidak dinafikan BM itu merupakan bahasa perpaduan dan bahasa utama negara kita. Tetapi dengan penguasaan bahasa lain selain BI akan menjadikan generasi muda ini lebih keterhadapan dan mengukuhkan lagi persefahaman antara semua masyarakat.

Jadi saya ulang kembali soalan umum ini untuk hadaman dan fikiran YB-YB sekalian, apakah ingin kita biarkan perpaduan kita rapuh dan runtuh begitu saja atas jurang perbezaan kebudayaan bangsa? Atau apakah kita langkau jurang perbezaan ini dan bersatu padu demi kesejahteraan dan kemajuan masyarakat dan negeri kita? Fikirkanlah sejenak. Jangan biarkan perbezaan ideologi politik dan warna kulit, agama atau kaum menjadi punca keruntuhan sesebuah masyarakat. Biar maju sesebuah negara itu tapi hanya sekadar tin kosong jika masyarakat berpecah dan

Sidang Muda 2024 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

tiada keamanan kerana terlalu taksub kepada idea “*race supremacist*”. Sudah tiba masa kita bekerjasama, bertoleransi dan saling menghormati sesama kita. Tiada ruang untuk masyarakat berfikiran rasis dan perkauman di Pulau Pinang. Jangan biarkan polemik yang berlaku dan persepsi yang tular saban seharian dijadikan satu pembuktian bahawa negeri kita adalah negeri yang teruk. Apabila datangnya pelbagai halangan, kita harus bersatu padu untuk mengatasinya bukan membiarkan ia menjadi barah yang kemudian merobek hancur segala yang terbina.

Ingatlah YB sekalian, negeri Pulau Pinang ini ialah negeri yang mulia dan dipenuhi taat dan setia kita, demi kemajuan dan kejayaan negeri yang kita cinta, harusnya kita bersatu dan bersama untuk negeri kita.

Sekian daripada Seri Delima.

Salam Malaysia Madani dan Salam Pulau Pinang Maju 2030.

Muhamad Daniel Ibrahim Bin Yaacob

N32 Seri Delima

Sidang Muda 2024

